





PEMBUANGAN sisa kumbahan menyebabkan Sungai Jelutong di Pulau Pinang dikategorikan sebagai antara yang tercemar di negara ini.



SISA kumbahan dari rumah, kedai dan kilang turut menyebabkan Sungai Kerayong, Kuala Lumpur menjadi kotor.

Berpunca daripada peningkatan pembuangan sisa kumbahan 43 batang sungai tercemar

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD & NOR AZURIN ALI

KUALA LUMPUR – Jumlah sungai yang kotor di negara ini meningkat hampir dua kali ganda apabila sebanyak 43 sungai dikategorikan sebagai tercemar tahun lalu berbanding hanya 25 sungai pada 2013.



HAFIZAN

Antara sungai yang tercemar ialah Sungai Ayer Merah, Sungai Tampoi, Sungai Kempas di Johor; Sungai Jelutong, Sungai Juru, Sungai Jawi di Pulau Pinang; Sungai Buloh, Sungai Untut, Sungai Toba di Selangor dan Sungai Seri Melaka serta Sungai Merlimau di Melaka.

Lebih mengejutkan lagi, punca utama yang menyumbang kepada pencemaran air sungai tersebut adalah daripada pembuangan sisa kumbahan dari loji kumbahan serta buangan sisa industri.

Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan



SISA buangan industri yang dibuang ke Sungai Tampoi, Johor merupakan antara punca yang menyebabkan kualiti air bersih semakin merosot.

Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, dianggarkan kira-kira 1.29 juta kes pembuangan sisa kumbahan telah dikesan Jabatan Alam Sekitar yang menjadi punca pencemaran air sungai.

Menurutnya, pembuangan sisa kumbahan itu menyebabkan tiga parameter utama pencemaran iaitu Keperluan Oksigen Biokimikal, Pepejal Terampai dan Ammoniakal Nitrogen meningkat sekali gus mencemarkan kualiti air

sungai.

Beliau berkata, ketiga-tiga parameter pencemaran tersebut adalah berpunca daripada sisa kumbahan najis manusia, buangan kimia industri, baja pertanian, ladang ternakan babi serta sisa daripada pasar dan restoran.

“Kekurangan oksigen terlarut akibat unsur pencemaran tersebut akan mengakibatkan kematian kepada hidupan akuatik. Jika terus dibiarkan sungai tersebut bu-

kan saja tercemar tetapi akan menjadi mati,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Daripada 1.29 juta itu, sebanyak 1.27 juta kes adalah dari sisa kumbahan tangki septik, tangki septik berpusat (3,628), sisa kumbahan awam (6,201) dan sisa kumbahan swasta (4,594).

Mengulas lanjut, Hafizan berkata, bahagian air bersih di sungai-sungai seluruh negara semakin pendek dan mengecil akibat aktiviti guna tanah yang terlalu tinggi terutama pembangunan kawasan perumahan berhampiran dengan sungai.

“Contoh terdekat ialah sumber bekalan air mentah yang boleh digunakan dari Sungai Langat, Selangor kini semakin sedikit apabila hanya sepanjang 49.3 kilometer (km) daripada 149.3km keseluruhan panjang sungai tersebut didapati bersih untuk tujuan pengumpulan sumber air,” ujarnya.

Tambah Hafizan, kerajaan perlu menyekat punca pencemaran tersebut bagi membolehkan kualiti air sungai kembali pulih dan menjadi air yang boleh memberi manfaat kepada penduduk setempat.

INFO Sungai Tercemar

Kategori Indeks Kualiti Air (IKA)

Bersih	81 – 100
Sedikit Tercemar	60 – 80
Tercemar	0 – 59

10 Sungai Tercemar di Malaysia

- Sungai Air Merah, Johor
- Sungai Sebulung, Johor
- Sungai Sengkuang, Johor
- Sungai Jelutong, Pulau Pinang
- Sungai Tukang Batu, Johor
- Sungai Untut, Selangor
- Sungai Air Baloi, Johor
- Sungai Tampoi, Johor
- Sungai Rembia, Melaka
- Sungai Seluang, Perak

Sungai yang tercemar mengikut negeri (Indeks Kualiti Air (IKA) bawah 60)

NEGERI	2013	2014
● Johor	13	21
● Pulau Pinang	6	6
● Kuala Lumpur/Selangor	3	4
● Melaka	2	3
● Perak	0	2
● Sarawak	1	2
● Kelantan	0	2
● Kedah	0	1
● Pahang	0	1
● Terengganu	0	1
TOTAL:	25	43